

AIA Malaysia galak kecergasan keluarga

AIA Malaysia telah menganjurkan *Karnival Jom! Live with Vitality* sebagai usaha menangani penyakit kronik dalam kalangan penduduk dewasa di negara ini.

Karnival berjaya menarik lebih 2,300 pengunjung untuk menyertai aktiviti-aktiviti kesihatan dan kecergasan di Taman Metropolitan Kepong.

Kuala Lumpur.

Pelbagai aktiviti menarik diadakan termasuk sesi Zumba oleh rakan AIA Vitality iaitu Fitness First, sesi senaman eksklusif oleh Duta AIA Malaysia, Datuk Nicol David, aktiviti mencari harta karun, cabutan bertuah, urutan leher dan bahu.

Bagi memeriahkan lagi karnival tersebut, AIA Malaysia

turut bekerjasama dengan Hospital Pantai Kuala Lumpur bagi menyediakan kemudahan pemeriksaan kesihatan secara percuma melibatkan pemeriksaan indeks jisim badan (BMI), ujian tekanan darah, tahap kolesterol dan glukos, di samping pemeriksaan postur badan yang dikendalikan oleh Fitness First.



PENGUNJUNG menyertai aktiviti diadakan sempena *Karnival Jom! Live with Vitality* anjuran AIA Malaysia di Taman Metropolitan Kepong, Kuala Lumpur, baru-baru ini.